

PENGUASAAN PENERAPAN KOSA KATA NILAI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB j-QAF SEKOLAH RENDAH

(Mastery of Applying Value Added Vocabulary in Arabic Language Learning j-QAF Primary School)

Hasnurol Hashim, Ab Halim Mohamad, Kaseh Abu Bakar, Maheram Ahmad
& Syaidatun Nazirah Abu Zahrin

ABSTRAK

Kosa kata Arab merupakan elemen penting bagi menguasai bahasa Arab dan kemahiran asas bahasanya, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Menerusi program j-QAF, secara keseluruhannya kosa kata Arab yang perlu dikuasai oleh murid di sekolah rendah ialah sebanyak 600 patah perkataan. Namun begitu, berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai guru bahasa Arab di sekolah rendah, murid masih melakukan kesalahan terutamanya dalam aspek mengeja perkataan Arab, mengetahui makna perkataan Arab dan menggunakannya dalam ayat. Kajian ini bertujuan mendedahkan sejauh mana penguasaan murid sekolah rendah terhadap penerapan kosa kata nilai yang dipelajari menerusi program j-QAF dalam aspek ejaan, pengetahuan makna perkataan dan penggunaannya dalam ayat dalam pembelajaran bahasa Arab. Pengkaji telah menjalankan ujian penguasaan kosa kata Arab yang merangkumi tiga aspek yang perlu dikuasai ke atas 120 orang murid tahun tiga sekolah rendah kebangsaan di daerah Klang Selangor, dan sebanyak 360 skrip jawapan telah diperolehi dan dianalisis. Hasil kajian menunjukkan bahawa pencapaian peratus lulus gred A, B, dan C bagi aspek ejaan perkataan Arab ialah 100 peratus, aspek pengetahuan makna sebanyak 84 peratus dan aspek penggunaan perkataan dalam ayat sebanyak 63 peratus. Manakala dapatan berkaitan penerapan kosa kata nilai dalam pembelajaran bahasa Arab mengandungi lima klasifikasi penerapan, iaitu kata hikmah dan perumpamaan (*al-Hikam wa al-'Amthal*), ilmu pengetahuan (*al-'Ulum wa Ma'rifah*), nilai mulia (*al-Qiyam al-Nabilah*), nilai patriotisme (*al-Qiyam al-Wataniah*) dan nilai sosiobudaya (*al-Nizam al-'Ijtima'iyah wa al-Thaqafah*). Implikasi kajian menyumbang kepada penemuan baru dalam kajian bahasa bahawa pembelajaran kosa kata turut boleh diterapkan unsur nilai dan akhlak yang mulia dalam pembelajaran bahasa di peringkat sekolah rendah.

Kata kunci: Penguasaan, penerapan kosa kata nilai, kemahiran bahasa dan program j-QAF

ABSTRACT

Arabic vocabulary is an important element to master the Arabic language and its basic language skills, namely listening, speaking, reading, and writing skills. Through the j-QAF program, the total Arabic vocabulary that students in primary schools need to master is 600 words. However, based on the researchers' experience as Arabic language teachers in primary schools, students still make mistakes, especially in spelling Arabic words, knowing the meaning of Arabic words, and using them in sentences. This study aims to reveal the extent of primary school

students' mastery of the application of value vocabulary learned through j-QAF program in the aspects of spelling, knowledge of word meaning and its use in sentences in Arabic language learning. An Arabic vocabulary proficiency test was conducted on 120 students in year three of national primary schools in the district of Klang Selangor, and a total of 360 answer scripts were obtained and analyzed. The results showed that the achievement of the percentage of passing grades A, B, and C for the aspect of spelling Arabic words was 100%, the aspect of knowledge of meaning was 84% and the aspect of word usage in sentences was 63%. The findings related to the application of value vocabulary in Arabic language learning contain five classifications of application, namely words of wisdom and parables (*al-Hikam wa al-'Amthal*), knowledge (*al-'Ulum wa Ma'rifah*), noble values (*al-Qiyam al-Nabilah*), the value of patriotism (*al-Qiyam al-Wataniah*) and the value of socio-culture (*al-Nizam al-'Ijtima'iyah wa al-Thaqafah*). This study provided new findings in the study of language that language learning that can be applied in the inculcation of values and noble morals through vocabulary learning.

Keywords: Mastery, inculcation of values added words, language skills and j-QAF program

PENDAHULUAN

Bahasa adalah sebuah sistem (Fathoni 2013; El-Ushaili 2009; Rosdiana 2009) yang mempunyai bentuk dan fungsi (Hassan 2016). Bentuk ialah terdiri daripada bunyi yang dapat dituliskan manakala fungsinya ialah makna perkataan itu. Menurut Asmah Hj Omar (2008) bahasa digunakan sebagai interaksi terus menerus dalam kehidupan sesuatu masyarakat dan akan berkembang sesuai dengan perkembangan sosial yang berlaku dalam masyarakatnya. Penutur bukan jati atau bahasa kedua juga perlu kepada pembelajaran kosa kata seiring dengan proses perkembangan bahasa, seperti kenyataan Regan & Bayley (2009) pemerolehan bahasa kedua ialah seperti pengambilalihan bahasa kanak-kanak yang melalui proses perkembangan yang berterusan. Terhasil sesebuah bahasa juga adalah berteraskan pemerolehan bahasa berdasarkan demografi manusia sepertimana teori yang dikemukakan oleh Chomsky (1979) pemerolehan bahasa manusia bermula penggunaan bahasa tersebut adalah mengikut pemahaman konteks sosial dan hubungan secara sendiri dan kreativiti mereka. Selain itu, bahasa merupakan faktor utama dalam membentuk diri dan sahsiah kanak-kanak bagi menzahirkan kebolehan dan keupayaan mereka secara menyeluruh dan bersepadu. Bahasa juga akan menjadikan sifat semulajadi manusia berpotensi dan berketerampilan dalam pelbagai bidang ilmunan mahupun kemahiran (Maeda & Naoumi 2004).

Penguasaan kosa kata BA turut menjadi topik kajian popular dalam tempoh dua dekad terakhir ini (Mohd Zaki et al. 2016), selain merupakan aset penting dalam mempelajari bahasa kedua atau asing (Ahmad Ta'aimah 1989; Rosni Samah 2009; M. Khalilullah 2012). Menurut Schmitt (2008), satu perkara para pelajar, guru, penulis dan penyelidik seharusnya tahu dan bersetuju bahawa kosa kata merupakan bahagian terpenting menguasai sesuatu bahasa. Hal ini diperteguhkan oleh Mulyati (2017) bahawa kosa kata bagi sesuatu bahasa turut mengalami perkembangan dan perubahan berdasarkan faktor kehidupan manusia seharian. Tambahan pula penguasaan kosa kata menjadi aset penting dalam mempelajari bahasa kedua seperti BA kerana ia dapat memantapkan penguasaan bahasa tersebut baik dan bermutu (Noor Shamshinar 2015; Faizatul Nadia & Maimun 2016) serta menghasilkan ketrampilan bahasa yang unggul (Huckin & Coady 1997).

Penguasaan kosa kata adalah satu peringkat pembelajaran asas yang perlu dipelajari dari peringkat awal kanak-kanak selain mempelajari ilmu fonetik (ilmu *Saut*). Hal ini diperteguhkan oleh al-Fauzan et al. (2005) tentang penguasaan dan keupayaan berbahasa, iaitu seseorang pelajar yang mempelajari bahasa khususnya BA seharusnya menguasai tiga keupayaan, iaitu keupayaan berbahasa, berkomunikasi dan pengetahuan dalam sesuatu bahasa. Menurut beliau lagi, berkeupayaan berbahasa ialah menguasai dalam sistem bunyi (ilmu fonetik) sama ada mampu membeza dan menyebut sesuatu huruf di samping para pelajar seharusnya mampu menguasai tatabahasa bahasa dan asas kaedahnya serta mampu memahami makna perkataan mahupun menggunakannya. Tokoh sarjana bahasa Arabseperti Seashore dalam kajiannya, yang menyatakan betapa pentingnya pemantapan dan penguasaan kosa kata oleh kanak-kanak di peringkat rendah, bermula dari umur empat tahun hingga sepuluh tahun (Mujawir 2000).

Penguasaan kosa kata dalam kajian ini ialah merujuk kepada merujuk penguasaan kosa kata Arab dalam pembelajaran bahasa Arab murid di peringkat sekolah menerusi program j-QAF. Program j-QAF adalah merupakan satu program pendidikan yang baru diperkenalkan dalam sistem pembelajaran di Malaysia khususnya dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan bahasa Arab. Pelaksanaannya bermula dari tahun 2005 yang akan dilihat kejayaan rintisnya pada tahun 2010. j-QAF merupakan program yang diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI) KPM merupakan akronim bagi singkatan, j iaitu Jawi, Q iaitu al-Quran, A iaitu bahasa Arab dan F iaitu Fardhu Ain. Program j-QAF ini menyasarkan untuk memperkukuhkan penguasaan Jawi, memastikan murid khatam al-Quran di sekolah rendah, menguasai kemahiran bahasa Arab dan memantapkan amalan dan penghayatan fardhu Ain dalam kehidupan murid. Penguasaan bahasa Arab menjadi semakin mencabar terutama dalam keadaan Pandemik Covid 19 yang mungkin akan berlarutan hingga beberapa tahun lagi. Justeru, P & P bahasa Arab mestilah dinamik dalam mendepani cabaran masa hadapan (Rosyadi & Ilmi, 2021).

Pembelajaran bahasa Arab (BA) di Malaysia merupakan antara mata pelajaran terpenting dalam sistem pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hal ini berikutan BA mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam umumnya memandangkan Islam sebagai agama persekutuan negara Malaysia (Nabihah et al. 2018). Tahir (2012) menyatakan pembelajaran BA selain menjadi bahasa agama juga merupakan bahasa ilmu pengetahuan dan kebudayaan di seluruh pelusuk dunia yang bertamadun dan berperadaban. BA dikategorikan sebagai bahasa kedua atau bahasa asing yang diajarkan dalam sistem pendidikan di peringkat rendah, menengah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi (Nor Yazidah et al. 2016; Hamza et al. 2015). Menurut Regan & Bayley (2009) menjelaskan penguasaan bahasa kedua atau asing secara tidak langsung menerapkan pengetahuan tentang aspek sosial dan budaya bahasa tersebut. Menurutnya lagi pengetahuan aspek sosial dan budaya tersebut, berperanan membentuk identiti dalam sesuatu komuniti atau masyarakat.

Jika ditelusuri dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ramai ahli bahasa pendidikan dan terapan telah menarik perhatian pelajar bahasa terhadap kepentingan bahasa kedua atau bahasa asing (Boers et. al. 2006). Pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing juga berkait rapat dengan aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) kosa kata dan kemahirannya yang bersifat berterusan (tekal). Sepertimana diperteguhkan oleh Mahmud Kamil (1985), PdP kosa kata merupakan proses berterusan dalam menguasai bahasa kedua atau bahasa asing. Selain itu, pengajaran BA perlulah diberi tumpuan kepada empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran-kemahiran tersebut juga merupakan

kemahiran asas yang seharusnya dikuasai oleh semua murid dalam apa-apa juga bahasa termasuk BA yang bermula di peringkat sekolah rendah lagi (Kementerian Pendidikan Malaysia 2006). Hal tersebut diperteguhkan oleh Mujawir (2000) bahawa pihak sekolah dan guru adalah bertanggungjawab bagi meningkat kosa kata pada diri murid dan penguasaan kosa kata bahasa tersebut perlulah berasaskan kepada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Tahir & Lubis (2016) turut menjelaskan kepentingan penguasaan kosa kata adalah bagi mempertingkatkan kemahiran bahasa seperti kemahiran bertutur atau komunikasi pelajar di samping meningkatkan keyakinan diri dan motivasi diri untuk menjadikan pelajar mampu berkomunikasi dan berwibawa dengan akhlak yang mulia.

Dalam usaha menguasai kemahiran-kemahiran asas bahasa tersebut, murid di sekolah rendah yang mempelajari BA dalam program j-QAF, diberi pendedahan dan penekanan secara langsung dalam mempelajari beberapa unsur bahasa (elemen bahasa) seperti sistem bunyi, tatabahasa Arab dan kosa kata di samping diperkenalkan juga kata-kata hikmat dan perumpamaan Arab yang mudah serta makna yang mengandungi nilai-nilai yang mulia dan akhlak yang baik. Dalam konteks penguasaan kosa kata mengikut kurikulum KPM-jQAF (2006), murid di sekolah rendah secara keseluruhannya perlu menguasai sebanyak 600 perkataan Arab yang disusun mengikut tahap umur dan kognitif murid serta berkaitan tajuk-tajuk yang telah dipilih. Bilangan perkataan ini akan bertambah sesuai dengan perkembangan fizikal dan intelektual murid. Langkah tersebut merupakan satu permulaan bagi murid untuk mempelajari ilmu BA dan agama serta pengetahuan yang berkaitan pada masa akan hadapan.

Berdasarkan kandungan sukatan pelajaran BA tersebut, pengkaji telah mengamati bahawa aspek penguasaan kosa adalah penting untuk dikaji, berikutan terdapat permasalahan yang timbul dalam kalangan murid untuk mempelajari BA di sekolah rendah. Berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai guru BA Komunikasi (bahasa Arab Rintis) sehinggalah diperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab menerusi program j-QAF, turut terdapat permasalahan-permasalahan yang timbul daripada kalangan murid dalam mempelajari bahasa Arab di sekolah rendah. Kelemahan-kelemahan yang timbul kalangan murid sama ada murid di tahun satu sehinggalah murid di tahun enam dalam mempelajari bahasa Arab, adalah berpunca dari aspek kosa kata Arab yang tidak dapat dikuasai dengan baik oleh mereka, terutamanya aspek ejaan perkataan, pengetahuan makna perkataan dan penggunaan perkataan Arab dalam ayat. Ketiga-tiga aspek tersebut, sering menjadi punca utama murid melakukan kesilapan semasa mempelajari mata pelajaran BA di sekolah rendah. Permasalahan tersebut dibuktikan Shathifa & Farween (2015) dalam kajiannya, penutur BA yang mempunyai kekurangan pengetahuan dalam aspek kosa kata memberi impak kepada penentuan maksud perkataan dan penggunaannya dalam konteks yang betul.

Hal ini diperkukuhkan lagi berdasarkan temu bual pengkaji bersama guru-guru yang mengajar BA (guru j-QAF), iaitu murid-murid di sekolah rendah sering menghadapi masalah dalam mempelajari BA terutamanya dalam aspek kosa kata Arab semasa proses P&P dijalankan dalam kelas. Punca utama masalah yang timbul ialah murid masih lagi belum mengenal huruf dengan baik dan sering melakukan kesalahan dari aspek sebutan huruf, panjang-pendek *harakat* dan intonasi perkataan Arab yang tidak tepat. Selain itu, berlaku permasalahan ini kerana kekurangan Bahan Bantu Belajar (BBB) tentang kosa kata serta guru yang tidak kerap berbahasa Arab dalam kelas mahupun di luar kelas di samping peruntukan masa pembelajaran BA di sekolah rendah amat tidak mencukupi, iaitu satu jam dalam seminggu. Selain itu, program j-QAF ini merupakan usaha besar kerajaan bagi merealisasikan

artikal 3 dalam perlembagaan persekutuan yang memartabatkan agama Islam sebagai agama persekutuan negara. Kita sering melihat di kaca televisyen pelbagai masalah sosial yang berlaku bukan sahaja dalam kalangan remaja malah ia juga berlaku dalam kalangan murid peringkat rendah. Bagaimanakah harus kita tangani cabaran ini? Apabila dikaji dan dianalisis, rata-rata menunjukkan kurangnya ilmu pengetahuan agama dan nilai keagamaan dalam kalangan mereka yang menyebabkan berlakunya pelbagai masalah sosial dalam masyarakat. Sehubungan itu, kerajaan berhasrat membendung masalah ini dari akar umbinya. Bak kata pepatah, "melentur buluh, biarlah dari rebunginya". Pendekatan dan usaha tersebut amat bersesuaian memandangkan kita merupakan sebuah negara yang agama persekutuannya ialah agama Islam. Pendekatan yang diterapkan terhadap murid peringkat rendah adalah bertepatan sekali.

Berdasarkan fenomena-fenomena ini, penulis berhasrat menjelaskan tahap pencapaian murid dalam menguasai kosa kata Arab dan sejauh mana pemilihan kosa kata secara langsung dapat membentuk identiti diri murid di sekolah rendah menerusi program j-QAF. Bagi mencapai matlamat tersebut, satu kajian telah dilakukan terhadap penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan murid di tahun tiga sekolah kebangsaan dalam menguasai keseluruhan kosa kata Arab. Aspek yang dikaji termasuklah aspek ejaan, pengetahuan makna dan penggunaan perkataan Arab dalam ayat di samping mengemukakan elemen penerapan kosa kata yang bersifat nilai atau akhlak yang terkandung dalam pembelajaran BA kurikulum j-QAF sekolah rendah. Penerapan kosa kata yang berkaitan adalah terbentuk dari kata hikmah, nilai mulia, nilai patriotisme, nilai kemasyarakatan dan budaya.

Justeru, kajian ini merupakan satu analisis unsur bahasa secara terperinci yang merujuk terhadap penguasaan kosa kata Arab dari tiga aspek, iaitu aspek ejaan perkataan, pengetahuan makna perkataan dan mengetahui sejauh mana tahap keupayaan murid menggunakan perkataan dalam konteks ayat. Di samping itu kajian ini juga memaparkan elemen penerapan kosa kata nilai yang terkandung dalam kosa kata Arab program j-QAF yang secara langsung berperanan membentuk identiti murid yang seimbang dan cemerlang. Hal yang demikian selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam sebagai suatu usaha yang berterusan menyampaikan ilmu, kemahiran dan pemghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Hasrat tersebut bertujuan menjadikan para murid di sekolah-sekolah kebangsaan dibentuk identiti muslim yang sejati dan berperibadian unggul ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

SOROTAN LITERATUR

Aspek Kata Dan Kosa Kata Dalam Bidang Morfologi

Pembahasan kata atau kalimah dalam ilmu morfologi bahasa Arab atau al-Sarf oleh Ridwan & Hidayati (2015) dan Amrulloh & Himmah (2017), iaitu satu perkataan yang memiliki makna digunakan dalam pembentukan *kalimat* atau gramatikal manakala fungsi ilmu al-Sarf membicarakan konsep pembentukan kata atau proses terbentuknya suatu kata. Selanjutnya perubahan suatu bentuk kata asal tersebut menjadi bentuk yang berpelbagai untuk mendapatkan makna yang berbeza dan diingini atau makna yang baru (Anisah, Irawati & Miftahudin 2013).

Menurut Fathoni (2013), perbahasan bidang morfologi berkaitan unit bahasa yang membentuk perkataan tersebut, iaitu yang terdiri daripada kata dan morfem. Turut berpendapat yang sama oleh Chapakiya (2014), kata dan morfem adalah komponen utama bagi

pembentukan sesuatu perkataan. Merujuk penelitian sesuatu kata dan morfem tersebut, hakikatnya adalah perkaitan dengan pembentukan ayat yang mempunyai perkaitan satu sama lain. Sepertimana dijelaskan oleh Asmah Hj Omar (2008) pembentukan sesuatu ayat mengikut tatatingkat unit bahasa adalah bermula dengan unit yang paling besar iaitu ayat, dan berakhir dengan unit yang paling kecil, iaitu morfem.

Morfem merupakan unit paling kecil atau satuan terkecil dalam susunan unit nahu atau tatabahasa yang mempunyai erti atau fungsi tertentu (Kamus Dewan 2015). Selain itu, morfem boleh menjadi satu huruf ortografik dan mengubah makna (Akmajian 2002; Asmah 2008). Sebagaimana juga dinyatakan oleh Carter (1998) “*A morpheme is the smallest unit of meaning in a word, and each morpheme has its own meaning*”. Oleh itu, morfem ini sinonim dengan imbuhan atau huruf tambahan dalam perkataan. Berikut jadual 1 mengenai tatatingkat unit bahasa (*rank* atau *level*) dalam konteks memperkatakan nahu oleh Asmah Hj Omar (2008):

Jadual 1: mengenai tatatingkat unit bahasa (*rank* atau *level*)

Urutan Tingkat	Unit Nahu
1	Ayat
2	Klausa
3	Frasa
4	Kata
5	Morfem

Sumber: Asmah Hj Omar (2008)

Jadual di atas ialah tata-tingkatan yang menunjukkan kata dan morfem merupakan unit yang kecil dalam aturan pembentukan ayat dan mempunyai makna tersendiri. Maka perbahasan unit-unit bahasa di atas merupakan gabungan antara unit-unit bahasa seperti morfem menjadi kata, kata menjadi frasa dan selanjutnya menjadi ayat. Keseluruhan ciri-ciri tersebut dirangkumkan perbahasannya mengikut bidang ilmu morfologi (Akmajian 2002; Asmah 2008).

Menurut Gani (2010), Ridwan & Hidayati (2015), Zuhriyah et. al (2018), Syifa & Wahyu (2018) dan Tajudin Nur (2010) pembentukan kata dalam bahasa Arab melibatkan dua sifat pembentukan, iaitu derivatif dan inflektif (*Derivational & Infleksional*) yang memainkan peranan penting dalam proses pembentukan kata. Hal ini dinyatakan oleh Qadariy (2017) bahawa bahasa Arab merupakan bahasa antara bahasa yang bergantung kepada derivasi (*a-Ishtiqaq*) dan infleksi (*al-Tasrif*) dalam pembentukan kosa katanya. Menurutnya lagi derivasi (*a-Ishtiqaq*) ialah proses mengubah suatu kata menjadi kata baharu manakala inflektif mengikut sistem bahasa bahasa Eropah yang disebut *affixes* (*al-Lawasiq*), iaitu penambahan huruf bagi kata asal atau *juzur kalimah*.

Berhubung aspek kata dan kosa kata dalam bidang morfologi adalah sangat berkait rapat dengan proses derivasi dan infleksi kerana ia mempunyai peranan yang sangat penting dalam proses pembentukan kata dan yang menariknya, ia berfungsi dalam penyesuaian bentuk kata terhadap kaedah tatabahasa yang berlaku pada sistem bahasa tertentu. Sebagai contoh derivasi bagi pembentukan perkataan baharu dalam bahasa Arab yang diambil dari perkataan كَتَبَ (kata kerja kala lampau-tulis) menjadi كِتَابَةٌ (tulisan), مَكْتُوبٌ (ditulis), كَاتِبٌ (penulis), كِتَابٌ (buku), مَكْتَبٌ (meja/pejabat), مَكْتَبَةٌ (perpustakaan), dan sebagainya. Manakala infleksi yang berfungsi mengubah perkataan asal menjadi makna yang baharu namun perkataan masih yang sama disebabkan penambahan huruf (afiks), iaitu sama ada prefiks, infiks mahupun sufiks

seperti perkataan *كتب* (kata kerja kala lampau-*tulis*) menjadi *يكتب* (untuk orang ketiga tunggal kata kerja kala kini) atau *يكتبون*, *يكتبن*, *يكتبنان* dan sebagainya yang berfungsi penambahan afiks sama ada depan, tengah mahupun belakang dalam sesuatu perkataan. Bidang morfologi atau dalam bahasa Arab *‘ilm al-Sarf* secara implisit menyatakan ilmu yang membicarakan perihal cara sesuatu perkataan dikategorikan, dihasilkan, dibentuk dan diderivasikan.

Tajudin Nur (2010) pula menyatakan derivasi atau ishtiqaq berperanan membentuk kata yang diambil satu perkataan asal kemudian mengubahnya menjadi perkataan atau leksikal baharu seperti mengubah perkataan adjektif seperti *happy* (bahagia) menjadi kata nama terbitan, iaitu *happiness* (kebahagian). Manakala infleksi pula tidak mengubah satu kata menjadi kata yang lain namun menghasilkan bentuk lain dari kata yang sama seperti kata kerja kala lampau *write* (menulis) menjadi kata kerja tunggal *writes* (untuk orang ketiga tunggal kata kerja kala kini). Dapatan kajian Fathoni (2013) dan Tajudin Nur (2010) turut melaporkan derivasi membentuk kata dalam bahasa Arab adalah bersifat produktif dalam pembentukan kosa katanya, iaitu secara perubahan internal dengan mengubah bentuk dasar mengikut *wazan-wazan* atau imbangan pola tertentu seperti *wazan Ism al-Masdar*, *Ism al-Fa‘el*, *Ism al-Maf‘ul*, *Ism al-Makan*, *Ism al-Zaman* dan *Ism al-‘Alat*.

Mengikut sistem tersebut, penambahan huruf di hadapan sesuatu kalimah dinamakan *prefixe (al-Sabiq)*, manakala penambahan di tengah perkataan dinamakan *infixe (al-Wasat)* dan penambahan huruf di akhir kalimah ialah *suffixe (al-Lahiq)*. Diperteguhkan lagi oleh Qadariy (2017), kehadiran kosa kata baharu dalam sebuah bahasa itu terbentuk adalah melalui proses dan struktur tertentu yang dikenali dengan proses morfologi sama ada proses derivasi mahupun infleksi. Hal tersebut diperakui oleh Syuhada (2011) yang menyatakan kehadiran kosa kata baharu dalam sebuah bahasa itu terbentuk adalah melalui proses-proses tertentu yang diteliti mengikut ilmu morfologi.

Syuhada (2011) menyatakan pembentukan kata dalam bahasa Arab yang terdiri dari akar (*juzur*) dan imbangan pola (*wazan*) ialah terdiri morfem dasar atau terikat dan morfem afik (*ziyadah*). Morfem dasar atau terikat ialah morfem terikat yang terdiri daripada konsonan atau vokal sama ada tiga huruf (fonem), empat huruf, lima huruf dan enam huruf. Manakala morfem afik (*ziyadah*) pula ialah terdiri dari dua jenis, iaitu morfem derivatif dan inflektif. Diperteguhkan oleh Fathoni (2013) menjelaskan pembentukan kata adalah terdiri tiga komponen, iaitu leksim, morfem dan kata. Hal ini kerana konsep kata dan unit semantik merupakan input yang dibekalkan dalam pengajaran kosa kata mengandungi perkataan senarai paling kerap dalam konteks sama ada perkataan, ayat mahupun wacana.

Justeru, aspek pembentukan kata (kalimah) bahasa Arab adalah bermula dari kata akar perkataan kepada peroses pengimbuhan, seterusnya kepada proses pembentukan kata yang berteraskan *wazan* (imbangan pola) kata kerja imbuhan bahasa Arab seharusnya diberi perhatian dengan teliti kepentingannya. Perkara tersebut disebabkan penggunaan bahasa yang baik dan betul adalah bergantung pada struktur kata yang baik, bahkan jika berlaku kesalahan dan kecacatan pada struktur kata tersebut menyebabkan hilangnya keharmonian dan keindahan sistem sesuatu bahasa (Mubarak 1973). Berikut jadual rumusan mengenai kepentingan aspek kata menerusi bidang morfologi bahasa:

Jadual 2: Kepentingan Kajian Aspek Kata Menerusi Bidang Morfologi Bahasa

Pengkaji	Kepentingan Aspek Kata
Ibnu Manzur (1956)	Terdapat lebih 80,000 kata akar bahasa Arab, dan hampir sejuta kata entri jika kata akar diubah bentuk atau diderivasikan.
Mubarak (1973)	Penggunaan bahasa yang baik dan betul bergantung pada struktur kata yang baik, bahkan jika berlaku kesalahan dan kecacatan pada struktur kata tersebut menyebabkan hilangnya keharmonian dan keindahan sistem sesuatu bahasa.
Mahmud Kamil (1985)	Kajian terhadap struktur kata termasuk kosa kata ini menjadi begitu penting disebabkan keperluan para pelajar yang ingin mempelajari dan menguasai bahasa, khususnya bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.
Adrian Akmajian (2002)	Aspek kata merupakan struktur linguistik paling asas dalam apa jua bahasa manusia.
al-Hafiz Abd al Rahim (2006) dan Rosni (2009)	Kepentingan pengajaran bahasa Arab kepada pelajar bukan penutur jati Arab yang seharusnya bermula dengan pembelajaran aspek kata dan strukturnya.
Asmah (2008)	Kepentingan aspek kata dalam bahasa merupakan unsur yang dilihat mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan ayat.
Gani (2010)	Kata dalam bahasa Arab merupakan kunci yang sangat penting bahkan banyak penggunaannya di dunia serta memiliki banyak kata akarnya
Syuhada (2011)	Aspek kata dan strukturnya merupakan dasar dalam sesebuah bahasa.
Abdurochman (2017)	Penguasaan aspek pembentukan kata (<i>mastery of the aspect of Arabic word formation</i>) dapat membantu para pelajar bahasa memahami makna kata yang lain, termasuk juga menguasai makna kata dasar.
Aisah (2017)	Aspek kata merupakan perkara utama didahulukan dan dipelajari dengan sebanyak mungkin oleh manusia, maka pembelajaran aspek kata menerusi mata pelajaran bahasa Arab merupakan perkara terpenting untuk diajarkan dalam konteks sistem pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
Nurul Huda & Nor Hashimah (2020)	Aliran struktur kata mempengaruhi pemikiran dan analisis linguistik selama kira-kira setengah abad terkini.

Kesimpulan bagi aspek kata dan kosa katanya mengikut perspektif morfologi Arab adalah suatu bidang linguistik yang membicarakan perihal struktur kata dan kosa katanya. Hal ini dikuatkan mengikut linguistik Arab, morfologi atau *‘ilm al-Sarf* ialah imbangan *al-Mizan al-Sarf* atau pola *qiasiy* (analogi) bahasa Arab yang berperanan untuk membentuk suatu kata dan *kalimat* yang merupakan dasar sebuah bahasa (Muhammad 2014).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah kebangsaan yang mengikuti kurikulum kebangsaan program j-QAF. Tiga buah sekolah tersebut terletak di daerah Klang, Selangor, iaitu SK Bukit Kemuning, SK Bukit Kemuning 2 dan SK Bukit Rimau. Pengkaji telah memilih seramai 120 orang responden kajian dari setiap sekolah dan menjadikan jumlah keseluruhannya, seramai 360 orang responden. Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen, iaitu tiga set soalan ujian sebenar sebagai data utama, dan satu borang soal-selidik yang merangkumi soal-selidik murid. Pemilihan kosa kata yang diuji dalam kajian ini adalah sebanyak 300 patah perkataan sahaja yang merangkumi perkataan dalam Buku Teks BA tahun 1, tahun 2 dan tahun 3, iaitu sukatan BA Tahap 1 sekolah rendah. Pemilihan kata tersebut adalah berdasarkan enam situasi yang terdiri daripada 10 tajuk utama. Situasi tersebut dibahagikan secara terperinci kepada enam situasi, iaitu keperibadian murid, persekitaran sekolah, rumah, masyarakat, situasi di pasar dan

di padang permainan. Perincian situasi-situasi tersebut merangkumi aspek alat-alat pembelajaran, kelas, padang permainan, tempat-tempat di sekolah, anggota badan, pakaian, nombor dan angka bilangan, warna dan bentuk, anggota keluarga, alatan rumah, nama-nama tempat dalam rumah, makanan dan minuman, buah-buahan, sayur-sayuran, tumbuh-tumbuhan, haiwan, pengangkutan, sains dan teknologi, hobi, cita-cita, pekerjaan, kampung, bandar, tanah air, waktu atau masa serta nama-nama hari dan bulan.

Pemilihan kategori kosa kata pula yang terdapat dalam sukatan BA j-QAF ialah kosa kata Arab asas, iaitu kata nama (nama benda) dan dalam topik tatabahasa Arab seperti kata ganti, kata nama petunjuk, partikel *jar*, kata nama maskulin dan feminin, kata tanya, kata keterangan masa dan tempat (*zorof*), kata kerja dan kata nama mufrad, duaan dan jamak. Justeru, kosa kata Arab yang diuji sebagai kajian ini dikategorikan kepada sembilan jenis kosa kata Arab, iaitu kata nama (benda), kata ganti (*damir*), kata nama petunjuk, partikel *jar*, kata nama objek (*ism maf'ul*), kata tanya, kata kerja, kata nama bilangan dan struktur ayat (*al-Tarkib*). penyenaaraian kategori tersebut, berdasarkan buku teks BA tahun 1, tahun 2 dan tahun 3 yang dibina dari sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran KBSR BA j-QAF.

Huraian tentang kategori kosa kata bagi kajian ini adalah merujuk daripada buku-buku tatabahasa Melayu seperti Nahu Kemaskini oleh Asmah (2008) dan Linguistik oleh Adrian Akmajian (2002) dan buku-buku tatabahasa Arab seperti *Mulakhas Qawa'id al-'Arabiyyah* oleh Fuad Ni'amat, *Al-Tatbiq al-Nahwiyy* oleh al-Rajih Abdh dan *Sharah Shudhur al-Dhahab fi Ma'rifah Kalam al-'Arab li Ibn Hisyam al-'Ansariy al-Misriy* oleh Abdul Hamid Mohammad Muhyiddin (1995), manakala rujukan kamus seperti kamus Dewan edisi keempat 2007, *al- Mu'jam al-'Arabiyy al-'Asasiy* (1999) dan Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab cetakan ketiga 2004. Penganalisan data pula melalui hasil ujian pencapaian kosa kata yang dijalankan dan merupakan data utama kajian. Proses analisis dapatan pencapaian responden merujuk kepada jumlah markah/kekerapan kosa kata dan kemudian dinilai mengikut nilai peratus berdasarkan maklumat pencapaian kosa kata responden yang dikaji.

HASIL KAJIAN

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pencapaian murid dalam keseluruhan kosa kata Arab mengikut kurikulum j-QAF, iaitu bagi min pencapaian keseluruhan ujian adalah sebanyak 59%, manakala peratus lulus adalah 90.8% (109 daripada 120 orang). Di samping itu, penguasaan kosa kata yang tertinggi (Gred A) oleh 120 responden terhadap 300 patah perkataan yang diuji menerusi program BA j-QAF, adalah sebanyak 255 patah perkataan.

Bagi pencapaian murid dalam mengeja dan menulis perkataan Arab dengan betul mengikut pencapaian min ialah 73. Manakala pencapaian peratus lulus (A+B+C) bagi kategori ini adalah sebanyak 100%. Bagi pengetahuan makna perkataan Arab pula, pencapaian min yang diperoleh adalah sebanyak 60 dan pencapaian peratus lulus (A+B+C) bagi kategori ini adalah sebanyak 84%. Seterusnya bagi pencapaian kemampuan murid menggunakan kosa kata Arab mengikut konteks ayat yang betul, pencapaian min yang diperoleh adalah sebanyak 43, manakala pencapaian lulus (A+B+C) bagi kategori ini adalah sebanyak 63% sahaja.

Dapatan Analisis Kosa Kata Arab dalam Membentuk Identiti Diri Murid

Pemilihan kosa kata Arab j-QAF adalah berkait rapat dengan pembentukan identiti murid. Ini ditunjukkan oleh klasifikasi yang berikut:

- i. Kata hikmah dan perumpamaan (*al-Hikam wa al-'Amthal*)
- ii. Ilmu pengetahuan (*al-'Ulum wa Ma'rifah*)
- iii. Nilai mulia (*al-Qiyam al-Nabilah*)
- iv. Nilai patriotisme (*al-Qiyam al-Wataniyyah*)
- v. Nilai sosiobudaya (*al-Nizam al-'Ijtima'iyah wa al-Thaqafah*)

Berikut hasil analisis yang dilakukan terdapat 17 elemen penerapan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab menerusi program j-QAF di sekolah rendah:

Jadual 3: 17 elemen penerapan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab menerusi program j-QAF

Bil	Nilai	Maksud
1	احترام الآخرين	Menghormati orang lain
2	احترام الآراء المعارضة	Mera'ikan pandangan dan pendapat
3	الإخلاص	Ikhlas
4	التسامح	Bertimbang rasa
5	التفكير المنطقي	Berfikiran optimis
6	الجد	Bersungguh-sungguh
7	الجود	Kemurahan hati
8	الحب والمحبة	Cinta dan kasih sayang
9	الحرية	Kebebasan (berfikir positif)
10	الحكمة	Kebijaksanaan
11	الشجاعة	Keberanian
12	صفاء العقل	Ketelusan idea
13	العدل	Keadilan
14	الكرم	Kemuliaan
15	التعاون	Kerjasama
16	النظافة	Kebersihan
17	الوسطية	Kesederhanaan

PERBINCANGAN

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pencapaian murid dalam keseluruhan kosa kata Arab mengikut kurikulum j-QAF pada tahun tiga sekolah rendah adalah cemerlang bagi penguasaan kosa kata Arab bagi aspek ejaan perkataan dan pengetahuan makna namun bagi aspek penggunaan perkataan dalam konteks ayat di peringkat sederhana sahaja. Manakala penerapan kosa kata nilai dalam pembelajaran bahasa Arab bagi pembentukan identiti murid yang seimbang dan cemerlang sebagaimana yang berikut:

- a) Kata hikmah dan perumpamaan (*al-Hikam wa al-'Amthal*)
Kandungan kata hikmah dan perumpamaan Arab yang mudah disebut oleh murid seperti:
"الصبر شجاعة"، "العلم نور"، "من جد وجد"

yang bermaksud **siapa berusaha dia berjaya, ilmu itu cahaya, dan sabar itu satu keberanian**. Kata-kata hikmah dan perumpamaan ini mempunyai nilai pendidikan yang mulia dan terpuji.

- b) Ilmu pengetahuan (*al-^cUlum wa Ma^crifah*)
Ia berkaitan dengan sejarah, geografi, sains termasuk juga berkaitan dengan isu semasa yang memberikan impak yang ketara terhadap penguasaan ilmu BA dan agama Islam.
- c) Nilai mulia (*al-Qiyam al-Nabilah*)
Menanamkan nilai mulia melalui proses pembelajaran BA bertujuan menyediakan insan yang soleh dan berakhlak mulia, seterusnya melahirkan generasi pemuda berpegang kepada nilai-nilai tersebut. Terdapat 17 jenis nilai mulia yang diterpkan melalui pembelajaran BA j-QAF ini seperti:
"احترام الآخرين"، "احترام الآراء المعارضة"، "الإخلاص"
yang bermaksud **ikhlas, mera'ikan pandangan dan pendapat dan menghormati orang lain**.
- d) Nilai patriotisme (*al-Qiyam al-Wataniyyah*)
Nilai patriotisme yang diterapkan semasa proses PdP BA dititikberatkan secara konsisten dalam diri murid seperti menanamkan sifat kecintaan terhadap tanah air, iaitu menzahirkan ketaatan dan kesetiaan mereka kepada negara di samping melahirkan rakyat yang bertanggungjawab terhadap keluarga dan bangsa.
- e) Nilai sosiobudaya (*al-Nizam al-'Ijtima^ciyah wa al-Thaqafah*)
Nilai ini merangkumi sistem sosiobudaya, iaitu beradab dalam pertuturan dan menggunakan gaya bahasa yang lemah lembut seperti dalam tajuk "Sapaan" التحيات
"لو سمحتم"، "من فضلكم"، "مع السلامة"
yang bermaksud **semoga bersama kamu keselamatan, dengan kelebihan kamu, jika kamu izinkan**.

Program j-QAF arus perdana di sekolah rendah menekankan aspek Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardhu Ain, yang mana mata pelajaran tersebut sebelum ini hanya dijar pada peringkat menengah, akan tetapi kerajaan mengambil pendekatan baharu mendedahkan murid di peringkat rendah dengan mata pelajaran tersebut. Tujuan ini bukan sahaja meluaskan ilmu pengetahuan murid, malah juga dapat membentuk sahsiah peribadi muslim dalam diri murid supaya menjadi insan yang terbaik, sejajar dengan "model insan (*role Model*)" yang diperkenalkan melalui pendekatan "Islam Hadhari". Murid yang terlibat secara langsung dengan program tersebut diharapkan dapat melaksanakannya dalam kehidupan seharian secara konsisten dan seterusnya mengajak rakan-rakan mereka menjadi insan yang soleh seterusnya ke arah masyarakat terbaik. Melalui program j-QAF juga, kaedah dan pendekatan baharu dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan terhasil dan akhirnya dapat melahirkan pelajar cemerlang. Kita seharusnya yakin bahawa penguasaan kosa kata Arab oleh murid akan memberi impak kepada perkara asas agama agar mereka menjadi murid yang seimbang dalam pertumbuhan serta perkembangan dan seterusnya berupaya menjadi aset bernilai dalam sumber manusia yang penting kepada negara. Penerapan kosa kata nilai adalah salah satu aspek baru yang perlu diberikan penekanan dalam Pdpr guru-guru bahasa Arab.

Hasil kajian Khoiriyah (2020) menunjukkan bahwa kurikulum pembelajaran bahasa Arab di Malaysia memiliki tujuan untuk menguasai empat kemahiran berbahasa, yaitu berbicara, membaca, menulis, dan mendengarkan. Namun dalam sudut aplikasi, pelajar di Malaysia belum sampai pada tahap berinteraksi dan berkomunikasi, baik secara lisan maupun tulisan. Metode pembelajaran yang digunakan pada pembelajaran bahasa Arab di Malaysia pada umumnya adalah metode inkuiri, kooperatif, metode komunikatif, metode *discovery learning*, dan lain-lain. Penilaian dalam sistem pengembangan kurikulum pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dilaksanakan dalam penilaian sumatif dan formatif. Melalui penerapan nilai dalam proses penguasaan Bahasa Arab, pengkaji dalam artikel ini mengharapkan menggunakan Bahasa Arab dapat ditingkatkan dalam interaksi dan komunikasi harian.

Cabaran dalam PdPr atas talian (Rosyadi & Ilmi, 2021) dapat diatasi kerana penerapan kosa kata nilai dapat digambarkan melalui foto-foto situasi kehidupan harian yang berkaitan dengan nilai-nilai yang hendak diterapkan. Dapatan kajian Abdul Razif et al (2020) menunjukkan bahawa semakin lama tempoh pembelajaran bahasa Arab, maka semakin besar saiz kota kata bahasa Arab pelajar. Justeru, apabila para pelajar didedahkan dengan nilai-nilai dalam kosa kata melalui kata hikmah dan perumpamaan (*al-Hikam wa al-'Amthal*), ilmu pengetahuan (*al-'Ulum wa Ma'rifah*), nilai mulia (*al-Qiyam al-Nabilah*), nilai patriotisme (*al-Qiyam al-Wataniyyah*) dan nilai sosiobudaya (*al-Nizam al-'Ijtima'iyah wa al-Thaqafah*), maka penguasaan bahasa Arab juga akan meningkat.

Selain dari itu, Hashim et al (2020) menekankan leksikologi, iaitu keupayaan dan penguasaan kosa kata aspek pengetahuan makna dan penggunaannya menerusi penguasaan kosa, makna dan penggunaannya. Dua aspek penguasaan tersebut merupakan faktor utama bagi seseorang pelajar yang mahu menguasai bahasa, dan dalam konteks kajian ini ialah pembelajaran bahasa Arab yang merupakan bahasa kedua atau bahasa asing di Malaysia. Apabila para pelajar berupaya untuk menguasai kosa kata, makna dan penggunaannya menerusi program intervensi (Zahrin et al, 2021), maka unsur-unsur nilai juga dapat diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan melaporkan penguasaan murid sekolah rendah terhadap penerapan kosa kata nilai yang dipelajari menerusi program j-QAF dalam aspek ejaan, pengetahuan makna perkataan dan penggunaannya dalam ayat dalam pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan penerapan kosa kata nilai bagi aspek ejaan perkataan Arab ialah 100 peratus, aspek pengetahuan makna sebanyak 84 peratus dan aspek penggunaan perkataan dalam ayat sebanyak 63 peratus. Dapatan kajian juga berhasil memperlihatkan bahawa penerapan nilai menerusi kata hikmah dan perumpamaan (*al-Hikam wa al-'Amthal*), ilmu pengetahuan (*al-'Ulum wa Ma'rifah*), nilai mulia (*al-Qiyam al-Nabilah*), nilai patriotisme (*al-Qiyam al-Wataniyah*) dan nilai sosiobudaya (*al-Nizam al-'Ijtima'iyah wa al-Thaqafah*) berperanan membentuk identiti dan akhlak murid yang berada di sekolah rendah di seluruh negara. Menerusi kajian ini juga memperlihatkan bukti empirikal terhadap saiz kosa kata yang dikuasai para murid di sekolah rendah dalam tempoh tiga tahun memberi impak yang ampuh kepada pembelajaran bahasa Arab. Diharapkan menerusi kajian ini menjadi pemangkin utama kepada perancangan program pendidikan arus perdana secara berterusan di samping membuat penambahbaikan terhadap kandungan kurikulum dari semasa ke semasa. Kesimpulannya, pembelajaran penerapan kosa kata nilai dalam pembelajaran bahasa arab j-QAF di peringkat

rendah merupakan pembelajaran asas (*fundamental learning*) yang seharusnya dikuasai terlebih dahulu berbanding penguasaan unsur dan kemahiran bahasa yang lain. Hal ini adalah bertujuan memastikan tiada murid yang tercicir dalam pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi di Malaysia.

Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi pemangkin utama kepada perancangan program pendidikan arus perdana secara berterusan di samping penambah baik kandungan kurikulum dari semasa ke semasa. Menerusi kajian ini juga memperlihatkan bukti empirikal terhadap saiz kosa kata yang dikuasai para murid di sekolah dalam tempoh tiga tahun yang semestinya bilangan kosa kata tersebut memberi impak yang ampuh kepada pembelajaran BA. Dapatan kajian juga berhasil memperlihatkan bahawa elemen jati diri yang terkandung dalam kandungan kurikulum BA j-QAF secara tidak langsung dapat berperanan membentuk identiti murid yang berada di sekolah rendah di seluruh negara. Akhirnya, pembelajaran kosa kata pada peringkat rendah dapat disimpulkan sebagai pembelajaran asas (*fundamental learning*) yang seharusnya dikuasai untuk memastikan tiada murid yang tercicir atau ketinggalan dalam pembelajaran BA lanjutan sama ada di peringkat menengah mahupun universiti. Kelemahan terhadap penguasaan kosa kata Arab di peringkat rendah dapat diatasi melalui pelaksanaan program j-QAF yang berkesan dan bersepadu.

RUJUKAN

- Adrian Akmajian. 1995. *Linguistik: Pengantar Bahasa Dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ta'aimah, Rusydi. 1989. *Ta'lim Al-^lArabiyyah Li Ghair Al-Natiqin Biha Manahijuhu Wa 'Asalibuhu*. Universiti al-Manshurah, Mesir: Manshurat al-Munazzamah al-Islamiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-^lUlum wa al-Thaqafah-ISISCO.
- Al-Fauzan, Abd Rahman Ibrahim. 2005. *Durus Al-Daurat Al-Tadribiyyah Li Mu^lallimi Al-Lughah Al-^lArabiyyah Li Ghair Natiqin Biha (Al-Janib Al-Nazariy)*. Saudi Arabia: Mu'assasah al-Waqaf al-Islamiy.
- Al-Khuliy, Muhammad Ali. 1986. *'Asalibu Tadris Al-Lughah Al-^lArabiyyah*. ke-2. Riyad, Saudi Arabia: Matabi^l al-Farazdaq al-Tijariyyat.
- Amrulloh, Muhammad Afif & Himmah, Ro'fat Hizmatul. 2017. Analisis perubahan morfologis pembentukan ta^lrib dan pembelajaran. *Tadris: Jurnal Keguruan dan Ilmu Tarbiyah*. 2 (2):87.
- Anisah, Sara, Irawati, Retno Purnama & Miftahudin, Ahmad. 2013. Analisis istilah perbankan syariah dari bahasa arab (tinjauan morfologi dan semantis). *Journal of Arabic Learning and Teaching*. 2 (1):38–47.
- Asmah Omar. 2008. *Nahu Kemas Kin: Panduan Bahasa Yang Baik Dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional publishing Sdn. Bhd.
- Boers, Frank, Eyckmans, June, Kappel, Jenny, Stengers, Hélène & Demecheleer, Murielle. 2006. Formulaic sequences and perceived oral proficiency: putting a lexical approach to the test. *Language Teaching Research*. 10 (3):245–61.
- Carter, R. 1998. 67 Routledge London and New York *Vocabulary Applied Linguistic Perspectives*. 2nd ed. New York, London: London: Routledge.
- Chapakiya, Suraiya. 2014. *Asas Linguistik*. Abdullah Hassan (pnyt.). Batu Caves, Selangor: PTS Akademia, DBP.
- Chomsky, N. 1979. Sussex: The Harvester Press *Language and Responsibility*.

- Dewan, Kamus. 2015. *Dewan Bahasa Dan Pustaka*. Keempat. Kuala Lumpur.
- El-Ushaili, Abdul Aziz Ibrahim. (2009). *Psikolinguistik Pembelajaran Bahasa Arab*. Bandung, Indonesia: Humaniora Penerbit Buku Pendidikan.
- Faizatul Nadia, Mohd Tahir & Maimun, Aqsha Lubis. 2016. Keperluan penguasaan kosa kata arab dalam kemahiran bertutur pelajar. Dlm. *International Workshop and Conference of ASEAN Studies in Islamic and Arabic Education and Educational Technology*, hlm. 267–74. Bangi.
- Fathoni, Hanif. 2013. Pembentukan kata dalam bahasa arab (sebuah analisis morfologis “k-t-b”). *Al-Ta’dib*. 8 (1): <http://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/tadib/article/view/513>.
- Gani, H A. 2010. Perubahan bentuk kata dalam bahasa arab : suatu analisa hubungan antara tashrif dan morfologi. *Jurnal al-Bayan Jurusan*. 1 (2):.
- Hamza, Fatima Salaheldeen Ahmed, Yasin, Mohamed Subakir Mohd & Aladdin, Ashinida. 2015. The use and evaluation of vocabulary learning strategies among sudanese efl learners. *Journal of Applied Linguistics and Language Research*. 2 (6):92–102.
- Hassan, Abdullah. 2016. *Linguistik Am*. Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House, DBP.
- Hashim, H., Bakar, K. A., & Ahmad, M. 2020. Penguasaan kosa kata Bahasa Arab menerusi pengetahuan makna dan penggunaannya (Mastery of Arabic Vocabulary Through Knowledge of Meaning and Its Use). *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (SEA Journal of General Studies)*, 21.
- Huckin, Thomas & Coady, James. 1997. Second language vocabulary acquisition *Second Language Vocabulary Acquisition: A Rationale for Pedagogy*. New York, London: Cambridge University Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. SP Sukatan Bahasa Arab (Baru). *Catalogiung-in-Publication Data Perpustakaan Negara Malaysia Jabatan Pendidikan Islam dan Moral [Al-Manhaj al-Dirasi Lil-lughah al-^cArabiyyah: al-Manhaj al-Mutakamil Lil-Madaris al-Thanawiyyah]*.
- Khoiriyah, H. 2020. Deskripsi pengembangan kurikulum pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Al-Lisan: Jurnal Bahasa (e-Journal)*, 5(1), 96-115.
- M. Khalilullah. 2012. Permainan teka-teki silang sebagai media dalam pembelajaran bahasa arab (mufradat). 37 (1). *Jurnal Pemikiran Islam; Vol. 37, No. 1*.
- Maeda, Joyce & Naoumi, Evelyn. 2004. Vocabulary development using a questionnaire. *JALT 2004 at Nara Conference Proceedings*.732–42.
- Mahmud Kamil, Al-Naqah. 1985. *Ta’lim Al-Lughah Al-^cArabiyyah Li Al-Natiqin Bi Lughat ‘ukhra*. Saudi Arabia: Jami’at ‘Ummu al-Qura: al-Matbu’ al-Jami’iyyat.
- Mohd Zaki, Ismail, Kaseh, Abu Bakar, Nik Farhan, Nik Mustapha & Nurazan, M Rouyan. 2016. Bahasa arab pada kalangan pelajar cemerlang (the strategies used by excellent students in learning new arabic affixes). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 31:47–68.
- Mubarak, Mubarak. 1973. *Qawa’id Al-Lughah Al-^cArabiyyah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-Lubnaniy.
- Muhammad, Idris. 2014. *Analisis al-Mizan al-Sarfiy Dalam Pembentukan Kata Kerja Dan Kata Nama Mushtaq Bahasa Arab*. Malaysia: Universiti Malaya.
- Mujawir, Muhammad Solahuddin Ali. 2000. *Daris Al-Lughah Al-^cArabiyyah Fi Al-Marhalah Al-Thanawiyyah ‘Ususahu Wa Tatbiqatuhu Al-Tarbawiyyah*. Kaherah, Mesir: Dar al-Fikr al-^cArabiy.

- Mulyati, Yeti. 2017. Kosa kata siswa sekolah dasar kelas rendah (kajian jenis kata, bentuk kata, jenis makna, dan medan makna). *Jurnal Bahasa dan Seni*. 1:99–107.
- Nabihah, Yusof, Harun, Baharudin, Maimun Aqsha, Lubis & Muhammad Luqman, Ibnul Hakim. 2018. Persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah bimbingan rakan sebaya (brs) dalam pembelajaran kosa kata arab. *eProceedings Of International Conference On Islam And Global Issues (iCIGI)*. (August)
- Noor Shamshinar, Zakaria. 2015. Pelaksanaan klinik bahasa arab sebagai wadah penguasaan bahasa arab di kuis. *eJurnal fakulti pendidikan KUIS*. 92–101.
- Nor Yazidah, Yahya, Che Radiah, Mezah, Nik Farhan, Mustapha & Mohd Sukki, Othman. 2016. Pemilihan kosa kata dalam pembinaan modul pembelajaran asas ba untuk pelajar warga emas. *AL-Anwar, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*.
- Qadariy, Maryam. 2017. Isykaliyyat Damj Al-'Alfaz Al-Muqtabisah (Al-Muqtaradah) Hadisan Fi Al-Nizam Al-Lughawiy Al-'Arabiy. Dlm. *Teaching Of Arabic Language To Non Native Speakers: Prospects and Challenges*, hlm. 155–62. Kerala: University of Kerala, India.
- Regan, Vera & Bayley, Robert. 2009. Second language acquisition and linguistic variation. Dlm. *The Acquisition of Sociolinguistic Competence*, hlm. 1–18.
- Ridwan, Muhammad & Hidayati, Triyanti Nurul. 2015. Verba trilateral bahasa arab: tinjauan dari prepektif morfologi derivasi dan infleksi. *Jurnal Bahasa & Sastra*. 15 (1).
- Rosdiana, Yusi. 2009. Hakikat bahasa. *Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia di sekolah Dasar*. 1–42.
- Rosni, Samah. 2009. *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai.
- Rosyadi, F. I., & Ilmi, M. U. 2021. E-Learning: An implementation for Arabic learning during the Covid-19 Pandemic. *ALSUNYAT: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, dan Budaya Arab*, 4(1), 47-57.
- Schmitt, Norbert. 2008. 12 Language Teaching Research Review Article: *Instructed Second Language Vocabulary Learning*. 12(3): 239-263.
- Shathifa, MCS. & Farween, ARFS. 2015. Vocabulary ability among the students of the department of arabic language in south eastern university of sri lanka. *International Symposium 2015 – IntSym 2015, SEUSL*. hlm. 208–211.
- Syifa, Aini & Wahyu, Kurnia. 2018. Ekuivalensi antara ilmu morfologi dan ilmu sharf. Dlm. *Seminar Nasional Bahasa Arab Mahasiswa II*, hlm. 468–78. Malang, Indonesia: Universiti Negeri Malang.
- Syuhada, Amir. 2011. Sistem morfologi nomina variabel (ism mutasharrif) bahasa arab. *At-Ta'dib*. 6 (2): <http://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/tadib/article/view/560>.
- Tahir, Gustia. 2012. Peranan bahasa arab dalam pengembangan peradaban islam. *Jurnal al-Hikmah*. xiii (1):112–23.
- Tajudin Nur. 2010. Fungsi afiks infleksi penada pesona, jumlah, dan jender pada verba bahasa arab: tinjauan dari perspektif morfologi infleksi dan derivasi. *Humaniora*. 22 (1):75–85.
- Zuhriyah, Lailatul, Sholihuddin, Ahmad & Thohir, Muhamma. 2018. Proses afiksasi morfologi ism (nomina) dalam bahasa arab. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan KebahasaAraban*. 5 (2):292–313.

MAKLUMAT PENULIS

HASNUROL HASHIM

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
hasnurolhashim@gmail.com

AB HALIM MOHAMAD

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
abhalim@upm.edu.my

KASEH ABU BAKAR

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
kaseh@ukm.edu.my

MAHERAM AHMAD

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
maheram@ukm.edu.my

SYAIDATUN NAZIRAH ABU ZHRIN

Pusat Pengajian Citra & Institut Islam Hadhari
Universiti Kebangsaan Malaysia
syaidatun@ukm.edu.my